

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda.



HongLeong MSIG Takaful

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat:
anda juga perlu membacanya.

Date: 29/07/2026

1

Apakah Rider Term Payor?

Rider Term Payor menawarkan peserta perlindungan takaful selama 15 tahun. Ia membayar manfaat sekaligus sekiranya Peserta berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) sepanjang tempoh sijil rider.

Sila rujuk kepada PDS bagi pelan asas untuk butiran mengenai konsep Syariah yang digunakan di bawah rider ini.

2

Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Anda akan menerima perlindungan / manfaat rider yang berikut:

Manfaat Kematian/TPD	Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM 200,000.00 selepas kematian Peserta atau mengalami TPD.
----------------------	--

Nota: Untuk maklumat lanjut mengenai penamatan perlindungan, sila rujuk sijil takaful tambahan.

Takaful keluarga anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan sijil rider, penama anda **tidak** akan menerima sebarang wang kecuali nilai serahan tunai.
- Keadaan sedia ada - sekiranya hilang upaya berpunca daripada sebarang keadaan atau ketidakupayaan yang dialami Orang Dilindungi atau tanda-tanda yang wujud sebelum menyertai pelan rider ini, **tiada** manfaat TPD akan dibayar.
- Kecederaan yang disengajakan diri - jika TPD berlaku disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan diri, semasa waras atau tidak waras, **tiada** manfaat TPD akan dibayar.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7650-1800



Layari kami di:
<https://www.hlm takaful.com>



Emel kami di:
ReachUs@takaful.hongleong.com.my



Imbas kod QR
di atas

3

Ketahu Tanggungjawab Anda

Untuk rider ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:				
Sumbangan ¹ (tidak termasuk Cukai)		RM 5,264.00 tahunan		
Tempoh: 3 tahun				
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:				
Komisen	Kami akan membayar Komisen berikut kepada Bank (sebahagian daripada Yuran Wakalah):			
	Tahun Sijil	Sumbangan Rider Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
			%	RM
	1	RM 5,264.00	7.00%	RM 368.48
	2	RM 5,264.00	4.50%	RM 236.88
	3	RM 5,264.00	3.50%	RM 184.24
Yuran Wakalah ²	Kami akan menolak Yuran Wakalah berikut daripada sumbangan:			
	Tahun Sijil	Sumbangan Rider Dibayar (RM)	Yuran Wakalah	
			%	RM
	1	RM 5,264.00	65.00%	RM 3,421.60
	2	RM 5,264.00	45.00%	RM 2,368.80
	3	RM 5,264.00	40.00%	RM 2,105.60
Tabarru'	Kami akan menolak caj Tabarru' setiap bulan daripada PRF.			

¹ Kadar sumbangan takaful ini terpakai bagi risiko standard. Terma serta kadar sijil mungkin berbeza bergantung kepada syarat pengunderaitan.

² Sumbangan anda selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF anda. Jumlah yang tidak diperuntukkan (Yuran Wakalah) akan digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen kepada ejen. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut.

4

Terma-terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan tepat. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau sijil anda dibatalkan.
- Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Sebarang sumbangan yang tidak dibayar untuk rider ini apabila tamat tempoh ihsan akan menyebabkan rider ini ditamatkan lebih awal.
- Had TPD maksimum setiap orang merangkumi semua sijil dan rider yang telah dikeluarkan atau akan dikeluarkan bagi Orang Dilindungi yang sama adalah RM8 juta.
- Sekiranya berlaku kematian/TPD bukan disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun pertama sijil dari tarikh permulaan rider, amaun yang akan dibayar ialah 100% daripada sumbangan rider yang telah dibayar. Tiada manfaat lain akan dibayar.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

?

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah dibayar setelah ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung akan dipulangkan kepada anda.
- **Penyerahan:** Anda boleh membatalkan sijil takaful tambahan ini pada bila-bila masa dan nilai penyerahan tunai akan dibayar.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)